



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)


PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK



PEJABAT DAERAH
DAN TANAH GOMBAK

2022 - 2026

ISI KANDUNGAN



AMANAT PEGAWAI DAERAH KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI RINGKASAN EKSEKUTIF

1	PENGENALAN 1.1 Latar belakang 1.2 Carta Organisasi 1.3 Visi, Misi dan Slogan 1.4 Nilai-Nilai bersama Jabatan		
2	ANALISIS 2.1 Analisis Persekutaran 2.2 Analisis Data 2.3 Analisis Risiki		
3	KERANGKA OACP 3.1 Kerangka OACP PDT Gombak 3.2 Inisiatif dan Pelan Tindakan OACP PDT Gombak Bidang Keutamaan 1 : Pengurusan Tanah Bidang Keutamaan 2 : Pembangunan Masyarakat dan Fizikal		
4	PEMANTAUAN DAN PENILAIAN 4.1 Mekanisme Penyelaras dan Penilaian 4.2 Format Pelaporan OACP		
5	PENUTUP		



- “Telah seringkali Beta ingatkan untuk tidak melibatkan diri dengan gejala **rasuah** yang boleh merosakkan bangsa dan **Negara**”



DYMM Sultan Selangor



AMANAT PEGAWAI DAERAH



PUAN NOR AZLINA
BINTI ABDUL AZIZ
PEGAWAI DAERAH GOMBAK

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izinNya, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2022-2026 bagi Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dapat dibangunkan dan digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada pegawai awam khususnya.


Selari dengan matlamat Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP), OACP PDTG berperanan untuk memastikan pengurusan pentadbiran adalah bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional iaitu “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada warga PDT Gombak yang terlibat dalam membangunkan OACP PDTG 2022-2026 ini. Saya percaya dengan inisiatif yang telah dibangunkan semua warga PDT Gombak dapat menjauhi perbuatan ini demi menjaga imej baik diri sendiri, keluarga dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak khususnya.



KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG) dihasilkan dengan komitmen berterusan dari kesemua 3 bahagian di bawah PDTG untuk memperkuuhkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah di kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut.



Matlamat pelan ini jugak adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional iaitu meningkatkan intergriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Justeru itu, dengan penghasilan pelan OACP PDTG ini, diharapkan dapat dijadikan sebagai satu garis panduan kepada warga PDTG agar dapat membentras gejala rasuah.



PENGURUSAN TERTINGGI



PUAN NOR AZLINA
BINTI ABDUL AZIZ
PEGAWAI DAERAH GOMBAK



PUAN KHAIRUL AIZAWATI BINTI KHALID
KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH




PUAN EAMY BT MOKHTAR
KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



ENICK MOHD ZARY AFFENDI BIN MOHD ARIF
KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

JAWATANKUASA OACP PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK





RINGKASAN EKSEKUTIF



Pembangunan OACP PDTG adalah salah satu inisiatif sebagaimana tertakluk dalam arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No 1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dan bagi mencapai aspirasi nasional ‘Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah dan berintegriti’.

OACP PDTG dirangka dengan Visi “**Membentuk warga PDTG yang berintegriti dan bebas rasuah**” dan Misi “**Memperkuatkan governans, integriti dan anti rasuah warga PDTG melalui pematuhan akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa**” berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu pengurusan tanah, pembangunan masyarakat dan fizikal dan pentadbiran dan kewangan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak tiga (3) Strategi, tiga (3) Objektif Strategik yang telah digariskan dan 16 Pelan Tindakan perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat OACP PDTG.





1.0 PENDAHULUAN PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK

1.1 LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK



1974



Pejabat Daerah dan Tanah Gombak diwujudkan pada 1 Februari 1974 dan beroperasi di Jinjang Kuala Lumpur

Berpindah ke bangunan baru di KM 16, Jalan Rawang,
68100 Batu Caves



1981



1983




Bangunan baru tersebut dinamakan **Bangunan Sultan Sulaiman** dan dirasmikan pada 10 September 1983 oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah

Pentadbiran Daerah Gombak merangkumi kawasan-kawasan yang disusun semula :




Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah terlibat dalam penstukturkan semula organisasi jabatan yang telah dikuatkuasakan pada 16 Ogos 2006 mengikut Waran Perjawatan S.K.P. Bil > 15/2012 PWN.Sel.(A) 300 Jld 25(26) bertarikh 14 Mei 2012.

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah dikategorikan sebagai Model Metropolitan oleh MAMPU berdasarkan kriteria-kriteria :



- 01 Keluasan tanah > 1,500 kmp
- 02 Pengguna tanah bandar > 15% daripada keluasan tanah
- 03 Jumlah penduduk > 800,000 orang
- 04 Kepadatan penduduk > 700 orang bagi setiap kilometer persegi
- 05 Pekerjaan penduduk > 95% dalam sektor bandar

1.2 CARTA ORGANISASI PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK



1.3 VISI, MISI DAN SLOGAN



MISI

MENGURUS TADBIR DAERAH SERTA PENTADBIRAN
TANAH SECARA PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI
DEMI MENCAPAI KEHENDAK STAKEHOLDER DAN
MENGOPTIMUMKAN SUMBER TANAH BAGI MENJANA
HASIL NEGERI



VISI


MENJADI TONGGAK PENGURUSAN DAERAH DAN
PENTADBIRAN TANAH DI SELANGOR



SLOGAN

MAJU BERSAMA BERTAMBAH MUTU

1.4 NILAI-NILAI BERSAMA JABATAN



Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi berdasarkan kajian dan pemahaman mendalam terhadap keperluan oleh pemegang taruh

E

Pendekatan yang menyeluruh dalam merancang, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu kerja agar *output* dihasilkan memenuhi kehendak pemegang taruh

H

HOLISTIK

EMPATI

Penggembangan tenaga, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi bagi mencapai Misi dan Visi organisasi

S

SEMANGAT BERPASUKAN

Berkhidmat dengan penuh amanah, integriti dan rasa kebertanggungjawab yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan

A

AKAUNTABILITI

NEUTRAL

Penggembangan tenaga, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi bagi mencapai Misi dan Visi organisasi

N



2.0 ANALISIS



Rasuah didefinisikan sebagai penyalahgunaan kuasa yang dilakukan bagi kepentingan peribadi. Ianya terjadi di dalam pelbagai bentuk seperti perbuatan yang jelas memberi dan menerima sogokan, memberi sokongan melalui salah guna kuasa atau campur tangan dengan motif yang tidak betul.



Merujuk kepada data Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transperancy International* Malaysia bagi CPI 2021, menunjukkan skor bagi Malaysia telah jatuh sebanyak tiga mata berbanding tahun sebelumnya.



MALAYSIA's SCORE

YEAR	SCORE ¹	RANK ²
2019	53	51
2020	51	57
2021	48	62

Notes: 1. 100 (very clean) to 0 (highly corrupt)
2. 180 countries ranked for all 3 years

2.1 ANALISIS PERSEKITARAN



Memetik ulasan presiden TI-M Muhammad Mohan, skor CPI 2021 menunjukkan bahawa negara tidak langsung mencapai kemajuan yang diharapkan tetapi sedang menuju ke arah kemerosotan dari segi membanteras rasuah, menyokong hak asasi manusia dan demokrasi.

2.2 ANALISIS DATA



DATA DALAMAN

Merangkumi daripada data-data yang diperolehi daripada aduan awam, kes-kes tatatertib serta soal kaji selidik warga PDTG



Pelbagai data telah diperolehi sepanjang fasa penghasilan OACP PDTG. Data-data tersebut terbahagi kepada dua ; Data Dalaman dan Data Luaran.



DATA LUARAN

Data yang diperolehi daripada Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)


ADUAN AWAM WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK


Aduan awam merupakan aduan yang telah disenarai pendek daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) yang dikemukakan oleh Unit Pengurusan Aduan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Berdasarkan statistik penerimaan aduan awam, kebanyak aduan awam adalah berkaitan dengan isu penyampaian perkhidmatan.

TAHUN	2019	2020	2021
ISU PERKHIDMATAN PENYAMPAIAN			
JUMLAH ISU	TIADA	1	5
PEGAWAI TIDAK BERETIKA DALAM BERKOMUNIKASI DENGAN PELANGGAN			
JUMLAH ISU	TIADA	3	2

TINDAKAN TATATERTIB WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

Pola statistik tata tertib dalam tempoh 2019 hingga 2021 bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.






Satu kajian kaji selidik telah dilakukan bagi mendapatkan persepsi dan pandangan warga PDTG berhubung isu rasuah, governans dan intergriti di PDTG.


SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

Adakah jawatan anda sekarang terlibat secara langsung dengan orang awam/pemegang taruh yang lain?

116 MAKLUM BALAS




116 MAKLUM BALAS



Adakah jawatan dan fungsi anda sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah?

**Pernahkan anda ditawarkan/
menerima rasuah oleh
sesorang individu untuk
melakukan atau tidak
melakukan sesuatu perkara
yang berkaitan dengan tugas
rasmi?**



116 MAKLUM BALAS

YA
6.9%




Hasil kaji selidik mendapati sebanyak 66.4% warga PDTG terlibat secara langsung dengan orang awam/pemegang taruh. Hampir separuh warga PDTG iaitu sebanyak 59.5% memberi maklum balas, jawatan dan fungsi mereka terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya rasuah. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja, 6.9% warga PDTG pernah ditawarkan/menerima rasuah oleh seseorang individu berkaitan dengan tugas rasmi.



SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

INDEKS KOMPOSIT




Audit Nilai merupakan satu proses bagi mengukur tahap amalan nilai murni sesebuah agensi dalam perkhidmatan awam. Justeru itu, dengan melaksanakan Audit Nilai ini dapat meningkatkan tahap pengamalan nilai dan integriti dalam kalangan penjawat awam.

Berdasarkan nilai indeks komposit yang diperolehi bagi tahun 2018-2019, Indeks Komposit bagi PDTG berada pada tahap **yang baik dan boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan**.

POIN	TAHAP PENGAMALAN NILAI
> 90	Cemerlang dan perlu dikekalkan
80-89	Boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan
60-79	Perlu penambahbaikan dengan pemantauan
<59	Sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan

2.3 ANALISIS RISIKO



Input yang diperolehi daripada Analisis Persekutaran digunakan sebagai asas untuk melaksanakan Analisis Risiko. Sesi perbincangan telah dilaksanakan bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dan Jawatankuasa OACP PSUK bagi mengenal pasti bidang keutamaan, menilai risiko yang wujud dan mengurus risiko berkenaan sama ada melalui kawalan sedia ada atau mewujudkan inisiatif baru bagi mengatasi risiko berkenaan.



سَمَّا عُونَ لِكَذِبِ أَكَالُونَ لِسْخُتِ.

*Mereka sangat suka mendengar berita-berita
dusta, sangat suka memakan segala yang haram
(rasuah dan sebagainya)*

Surah al-Maidah (42)



3.0

KERANGKA OACP PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK

3.0 KERANGKA OACP PDT

VISI		
MEMBENTUK WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK YANG BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH		
MISI		
MEMPERKUKUHKAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH WARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK MELALUI PEMATUHAN TERHADAP AKTA, PERATURAN DAN ARAHAN YANG BERKUAT KUASA		
BIDANG KEUTAMAAN		
BK1: PENGURUSAN TANAH	BK2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL	BK3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
STRATEGI (S)		
S1: MEMANTAPKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN TANAH	S2: MEMANTAPKAN KETELUSAN DAN KOMPETENSI DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL	S3: MENGUKUHKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
OBJEKTIF STRATEGIK (OS)		
OS1: MEMPERTINGKAT DAN MEMANTAU PEMATUHAN KE ATAS ARAHAN SERTA PEKELILING BERKAITAN PENGURUSAN TANAH	OS2: MEMPERTINGKAT DAN MEMANTAU PEMATUHAN KE ATAS ARAHAN DAN PEKELILING BERKENAAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PROJEK	OS3: MEMPERTINGKAT DAN MEMANTAU PEMATUHAN KE ATAS ARAHAN SERTA PEKELILING BERKAITAN PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
PELAN TINDAKAN (PT)		
PT : 4	PT : 4	PT : 8



BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH

BIDANG KEUTAMAAN 1: PENGURUSAN TANAH

STRATEGI	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan tanah	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tanah	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)		PELAKSANA
PT1	Melaksanakan Laporan Pergerakan (Terimaan, Proses dan Selesai) Fail Permohonan Tanah secara bulanan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT2	Melaksanakan <i>check and balance</i> melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi setiap permohonan tanah	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT3	Melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas kerja-kerja penguatkuasaan di lapangan berdasarkan laporan bahan batuan yang dikeluarkan	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun
PT4	Pengenalan kepada pemakaian alatan rakaman visual (<i>body camera</i>)	Bahagian Pengurusan Tanah	Sepanjang tahun



BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT & FIZIKAL

BIDANG KEUTAMAAN 2: PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN FIZIKAL

STRATEGI	S2	Memantapkan ketelusan dan kompetensi dalam melaksanakan program-program pembangunan masyarakat dan fizikal
OBJEKTIF STRATEGIK	OS2	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan dan pekeliling berkenaan perolehan bekalan dan projek

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Menyelaras Senarai Semak bagi semua tuntutan pembayaran kontraktor	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT2	Melaksanakan pemeriksaan tapak projek	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT3	Menyelaras Senarai Semak bagi pemilihan kontraktor	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun
PT4	Memberi peringatan secara pentadbiran kepada kontraktor mengenai jadual kerja, pembekalan dan jadual pembayaran	Bahagian Pembangunan	Sepanjang tahun



BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN			
STRATEGI	S3	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS3	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)		PELAKSANA
PT1	Melaksanakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		Bahagian Khidmat Pengurusan
PT2	Melaksanakan pusingan kerja termasuk unit-unit kritikal setiap 3-5 tahun		Bahagian Khidmat Pengurusan
PT3	Mengadakan program kesedaran melibatkan SPRM /kursus integriti secara berkala		Bahagian Khidmat Pengurusan
PT4	Mengadakan kursus kewangan secara berkala		Bahagian Khidmat Pengurusan
PT5	Memastikan dokumen permohonan Lesen Eksais adalah lengkap dan mematuhi syarat		Bahagian Khidmat Pengurusan
			TEMPOH MASA
			Sepanjang tahun

BIDANG KEUTAMAAN 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

STRATEGI	S3	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan	
OBJEKTIF STRATEGIK	OS3	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan	
BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT6	Melaksanakan <i>check and balance</i> melalui pengesahan penyelia ke atas Senarai Semak bagi setiap tuntutan bayaran	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT7	Memantapkan pengkhususan tugas-tugas pegawai integriti bagi mengelakkan <i>conflict of interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
PT8	Memberi peringatan berhubung prestasi Piagam Pelanggan yang perlu dipatuhi	Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun



4.0 PEMANTAUAN & PENILAIAN




4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Unit Integriti PDT dengan kerjasama daripada Jawatankuasa OACP PDT yang telah dilantik dari setiap bahagian di bawah PDTG akan bertindak sebagai penyelaras bagi pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP PDTG secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP PDTG akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP PDTG kepada Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut suku tahun (Januari, April, Julai, Oktober). Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (CAR) akan berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP PDTG seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional.



4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK

BAHAGIAN					
BIDANG KEUTAMAAN					
STRATEGI					
OBJEKTIF STRATEGIK					
TARIKH LAPORAN					
BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL	TARIKH PELAKSANAAN/TEMPOH MASA	CATATAN



5.0

PENUTUP



PENUTUP

Dalam usaha menyokong matlamat Pelan Anti Rasuah Nasional, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah membangunkan satu Pelan Organisasi Anti Rasuah (OACP) bagi lima 5 tahun iaitu 2022 2026.

Secara keseluruhannya, dengan membangunkan OACP PDTG ini dapat membantu dan memantapkan lagi pengukuhan warga Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Walau bagaimanapun, Pelan ini akan sentiasa dipantau dan dikaji dari masa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

PENUTUP

PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai ,
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,Selangor
03 61261500
<https://www.selangor.gov.my/gombak.php>